

# Ayat Quran dalam silat kebatinan: Tiga beri pendapat

*pencah silat*  
BADAN-BADAN silat yang memperaktikkan silat kebatinan menjelaskan bahawa penggunaan ayat-ayat Quran adalah sebagai doa untuk menjaga keselamatan.

Pendapat ini telah diberikan oleh tiga buah badan silat ketika mengulas satu pendapat forum yang mengatakan bahawa penggunaan ayat-ayat Quran boleh membawa kepada syirik.

## Kesalahan

Kata mereka: "Penggunaan ayat-ayat ini adalah sama seperti kita berdoa dalam kehidupan seharian kita."

"Tetapi sekiranya seseorang pesilat itu yakin bahawa hanya dengan membaca ayat-ayat itu saja dia boleh melakukan gerak langkah silat dan menjadi kuat atau se-

-1 NOV 1979

bagainya, ini adalah merupakan satu kesalahan dan boleh membawa kepada syirik.

"Sekiranya penggunaan itu sebagai berdoa untuk keselamatan dan sebagainya, itu adalah lumrah dalam bidang seni silat."

Encik Salman Simen, Yang Diperta Silat Kuningan mengatakan bahawa motif penggunaan ayat-ayat itu adalah bergantung kepada diri orang perseorangan itu sendiri.

"Jika seseorang pesilat itu yakin bahawa dengan pembacaan itu dia boleh menjadi kuat dan sebagainya, ia telah memesongkan tujuannya. Bukan saja dia telah menyalahkan penggunaannya, malah mencemarkan kesucian silat itu sendiri," katanya.

Encik Mohd. Hosni Ahmad, ketua jurulatih silat Al-Haq, menjelaskan bahawa oleh kerana Islam menggalakkan penganutnya berdoa,

penggunaan ayat-ayat Quran dalam silatnya adalah dengan tujuan berdoa — dan tidak lain dari itu.

Tambahnya bahawa penggunaannya itu adalah sebagai salah satu doa untuk perlindungan keselamatan dan sebagainya.

## Bincangan

Naib Yang Dipertua Persatuan Pencak Silat dan Islam Singapura (Perpensis), Encik Karim Maidin menyatakan bahawa tidak salah ayat-ayat Quran digunakan sekiranya ia digunakan dengan sepenuhnya dan penggunaannya itu mengetahui erti dan maksud pembacaannya.

Al-Haq dan Kuningan mengatakan bahawa mereka sedia mengambil bahagian sekiranya Persekutuan Silat Singapura (Persisi) sanggup mengadakan perbincangan mengenai definisi silat kebatinan demi menjelaskan lagi kedudukannya.

## Silat: Peserta2 pentingkan persembahan

- 2 NOV 1979

*pencah silat*  
PESERTA-peserta dalam pertandingan silat antara balai anjuran Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit) nampaknya lebih mementingkan persembahan mereka dari keselamatan diri mereka sendiri.

Mereka sanggup menghadapi bahaya dalam pertandingan ini.

Ini ternyata dari keputusan, mereka tidak mahu menggunakan pengalas lantai (tatami mats) dalam pertandingan-pertandingan mereka yang akan masuk dalam peringkat separuh akhir di Balai Rakyat Toa Payoh Ahad ini.

Walaupun jawatankuasa penganjur telah berusaha untuk mendapatkan pengalas lantai ini, tetapi para peserta lebih suka bertanding dan bertarung di atas lantai yang tidak beralas.

Tindakan mereka merupakan satu risiko yang besar. Mereka menganggap bahawa dengan adanya pengalas lantai itu, mereka tidak dapat memberikan persembahan yang tinggi mutunya.

## Saringan

Dalam saringan yang dijalankan tidak lama dulu, dua orang peserta telah menghadapi bahaya lantai yang tidak beralas.

Dalam saringan yang dilangsungkan di ibu pejabat Persekutuan Silat Singapura (Persisi) di Jalan Pengaga, seorang peserta telah tersungkur ke bumi dalam salah satu pertarungannya. Mujur dia tidak cedera teruk.

Dalam saringan bahagian wanita yang dijalankan di Balai Rakyat Sennett, seorang peserta, Juriah Ahmad, telah terbanting kepalanya ke lantai batu bila dia dijatuhkan oleh Noorwina Mahmud dalam pertandingan mereka.

Juriah tidak mengalami kecederaan di bahagian kepalanya, tetapi kesakitan pasti dirasakan olehnya.

Demi mengelakkan sebarang kecederaan yang mungkin lebih buruk dari ini, adalah wajar untuk mengadakan pengalas lantai dalam perlawanan separuh akhir dan akhir nanti, walaupun mungkin persembahan yang ditunjukkan oleh para peserta tidak mencapai taraf yang tinggi.

Pertandingan separuh akhir akan dijalankan di Balai Rakyat Toa Payoh Ahad ini, bermula 8.00 malam.